

13/08/1997

Pakar nasihat tunda pembukaan KLIA (HL)

Kamal Ahmad

SEPANG, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menjelaskan perubahan tarikh pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini untuk kegunaan awam dibuat atas nasihat pakar.

Timbalan Perdana Menteri berkata, lapangan terbang bernilai RM9 bilion yang sepatutnya dibuka secara rasmi pada 1 Januari 1998, ditangguhkan kepada satu tarikh dalam tempoh suku penggal pertama tahun depan.

Menurutnya, perubahan itu tidak ada kaitan dengan sebarang kelewatan menyiapkan pembangunan lapangan terbang berkenaan kerana semua kerja membina prasarana siap pada 15 September ini, manakala struktur dan sistem pengurusan lapangan terbang Keseluruhan pada 15 Disember.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet ke-29 Mengenai Pembangunan KLIA dan meninjau pembangunan projek itu di sini pagi ini, beliau berkata, Malaysian Airport Berhad (MAB) dan Penerbangan Malaysia (MAS) sudah pun diarah menyelaraskan beberapa operasi di lapangan terbang itu.

Ini, katanya, bagi memastikan lapangan terbang itu dapat dibuka secara rasmi untuk kegunaan awam pada satu tarikh baru yang akan ditetapkan tahun depan.

"Pengumuman awal ialah pada 1 Januari 1998 dan kita masih berpegang pada itu. Cuma kita buka lapangan terbang untuk kegunaan awam ini pada suku pertama tahun depan, tetapi masih awal daripada Sukan Komanwel (September 1998).

"Tidak ada masalah agak rumit atau masalah pelaksanaan dibangkitkan dalam mesyuarat hari ini, selain urusan pengawasan dan teknikal kecil yang sudah pun dikenal pasti.

Secara teknikalnya, kita harus siap pada 15 Disember.

"Ini bermakna kita boleh buka pada 1 Januari 1998, tetapi dengan nasihat pakar, kita harus memberi tempoh minimum tiga bulan untuk keseluruhan ujian seperti pendaratan, bagasi, sajian makanan, keselamatan dan keberkesanan seluruh sistem perkomputaran serta pengangkutan awam.

"Nasihat yang diberi kepada kerajaan ialah lebih baik jika mengambil masa tiga bulan untuk melakukan operasi percubaan," katanya sambil mengucapkan tahniah kepada pihak terbabit dalam pembangunan KLIA kerana mematuhi jadual ditetapkan.

Turut hadir ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Ketua Menteri Melaka, Datuk Abu Zahar Ithnin dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Clifford Herbert.

Anwar berkata, pendaratan pertama pesawat B747 akan dapat disaksikan pada 15 September ini sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke KLIA.

Menurutnya, pemindahan operasi MAB dan MAS dari Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, Subang ke KLIA akan ditetapkan pada satu tarikh di bawah pengawasan satu jawatankuasa khas.

Menjawab soalan lain, Timbalan Perdana Menteri berkata adalah menjadi dasar kerajaan untuk memastikan syarikat yang terbabit dalam projek KLIA menggunakan barangan tempatan.

"Kalau dikenal pasti tidak ada dalam negeri, itu munasabah (untuk mengimportnya). Kalau dilihat senarai barang yang ada berdasarkan pengeluaran tempatan, ia memang banyak dan canggih.

"Tetapi soal sama ada kita akan mengenakan cukai atau tidak itu kita

sedang kaji kemungkinannya.

Agak awal untuk kita putuskan pada masa ini," katanya.

(END)